
RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA


EDISI DIS 2016



Mahasiswa Perlu Bijak Urus Pinjaman



Kenali Perlindungan Takaful Anda



KWSP: Pengenalan Akaun Emas dan Inisiatif Penambahbaikan

Pandu Uji Sebelum Membeli Kereta Terpakai

Di dalam isu ini:
Borang Tinjauan Pembaca Ringgit 2016

ISSN 2180-3684
9 772180 368003

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA
FOMCA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pandu Uji Sebelum Membeli Kereta Terpakai

Pengguna yang ingin membeli kenderaan terpakai di pasaran perlu mempunyai sedikit pengetahuan dalam membuat penilaian tentang sesebuah kenderaan yang ingin dibeli.

Ketika hendak memandu uji kereta terpakai, anda perlu menetapkan jalan yang ingin anda lalui. Anda tidak mungkin dapat menentukan keadaan sebenar kereta itu sekiranya anda hanya memandu pada satu kelajuan tetap di lebuh raya.

Sebelum Memandu Uji

- Lihat enjin kereta sama ada ia bersih dan berkilat. Hidupkan enjin dan lihat meter suhu untuk mengetahui suhu kereta itu. Sekiranya suhu tiba-tiba naik, ini bermakna kereta itu dipanaskan sebelum anda tiba. Kebanyakan kereta mudah dihidupkan apabila ia dipanaskan terlebih dahulu. Ini mungkin menunjukkan bahawa enjin kereta itu mengalami kesukaran untuk dihidupkan sekiranya enjinnya sejuk.

- Adakah enjin bergetar? Sekiranya masalah ini berlaku ketika anda sedang memandu uji kereta, anda hendaklah menekan dan melepaskan pedal minyak beberapa kali, perhatikan sama ada ia lancar atau tersentak-sentak.

Semasa Memandu Uji

- Pastikan tiada bunyi yang kedengaran. Sekiranya ada bunyi yang kuat, periksa transmisi automatik sama ada ia beralih dengan lancar atau tidak. Jika kereta jenis manual, pastikan adakah mudah untuk menukar gear atau tidak.

- Periksa brek kereta sama ada ia kuat dan bertindak balas dengan baik. Anda perlu memastikan tiada sebarang getaran dan gegaran dirasai sewaktu anda membrek kereta. Anda juga perlu memecut sedikit dan memberhentikan kereta secara mengejut bagi menguji keadaan brek serta tindak balasnya.



- Pandu kereta di kawasan lapang kerana anda perlu memusing stereng kepada tahap maksimum untuk membuat beberapa pusingan lengkap. Periksa sama ada kereta itu mengeluarkan sebarang bunyi ketika membuat pusingan. Anda boleh memandu kereta di jalan yang berlekak-lekuk untuk menguji keadaan suspensi kereta dan pengendalian kereta sewaktu melalui jalan yang sedemikian.

Selepas Memandu Uji

- Buka bonet kereta ketika enjin masih dihidupkan. Perhatikan ruang enjin kereta berkenaan dengan



“Anda boleh memandu kereta di jalan yang berlekak-lekuk untuk menguji keadaan suspensi kereta dan pengendalian kereta sewaktu melalui jalan yang sedemikian.”

teliti dan hidu bau enjin itu. Biasanya, sebelum pandu uji kereta dicuci untuk melindungi sesuatu, ia kemungkinan tidak dapat disembunyikan lagi jika terdapat masalah seperti kebocoran cecair penyejuk *(coolant)* atau minyak.

- Periksa paip ekzos untuk melihat tahap pengeluaran asap. Sekiranya asap yang dikeluarkan berwarna kebiruan (pembakaran minyak pelincir) ataupun berwarna putih seperti stim (kebocoran *coolant* ke dalam ruang enjin).

- Selepas anda memeriksa sendiri keadaan kereta, tanyakan kepada pemilik sekiranya anda boleh menguji keadaan kereta ini dengan bantuan mekanik. Jika pemilik secara sukarela membenarkan, maka pemilik tidak mempunyai sebarang masalah untuk disembunyikan.

Dengan itu, anda boleh membuat keputusan muktamad sama ada untuk membeli kereta tersebut atau tidak.

Sumber: Diolah daripada artikel Auto World Used Car

Sidang Redaksi

Penasihat
YBhg. Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato’ Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Mandeep Singh
Shabana Naseer Ahmad

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format “PDF“, sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang : www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato’ Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang : www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاى (ملىسيا) سندرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

Mahasiswa Perlu Bijak Urus Pinjaman



"Kemahiran pengurusan kewangan peribadi amat penting dalam usaha untuk memastikan kelangsungan hidup mahasiswa dalam situasi ekonomi semasa yang tidak menentu."

Suasana kehidupan di kampus berlainan dengan suasana persekolahan. Dahulu semasa di alam persekolahan, semuanya diuruskan oleh ibu bapa, tetapi kini mahasiswa perlu mengambil tanggungjawab tersebut. Di samping mengulang kaji pelajaran, melengkapkan tugasan dan belajar untuk peperiksaan, mahasiswa juga perlu mengurus sumber kewangan mereka sendiri.

Sumber kewangan mahasiswa sangat terhad, iaitu pendapatan utama mereka diterima daripada biasiswa, pinjaman pendidikan dan bantuan kewangan daripada ibu bapa atau ahli keluarga. Kemahiran pengurusan kewangan peribadi amat penting dalam usaha untuk memastikan kelangsungan hidup mahasiswa dalam situasi ekonomi semasa yang tidak menentu.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi yang menawarkan pinjaman untuk pelajar melanjutkan pendidikan tinggi di Malaysia. Bagi mahasiswa di institusi pengajian tinggi awam dan mengikuti kursus ijazah sarjana muda sastera misalnya, mereka akan menerima wang pinjaman pendidikan daripada PTPTN sebanyak RM3,090 untuk tempoh satu semester.

Anggaran yuran pengajian yang dikenakan adalah sebanyak RM1,400 bagi satu semester. Ini bermakna wang pinjaman PTPTN bersih yang diterima adalah sebanyak RM1,690. Jumlah ini perlu diurus untuk menampung keperluan perbelanjaan selama satu semester atau empat bulan.

Secara purata, seorang mahasiswa akan mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM430 daripada pinjaman pendidikan mereka. Berdasarkan senario di atas, ramai dalam kalangan mahasiswa menyatakan bahawa amaun yang diterima tidak mencukupi untuk menyara kehidupan mereka di kampus. Walau bagaimanapun, ada yang menyatakan bahawa mereka boleh menyimpan daripada wang pinjaman pendidikan yang diterima. Malahan ada yang boleh membantu keluarga mereka pula.

Harus diingatkan bahawa sama ada wang pinjaman tersebut mencukupi atau tidak adalah suatu yang bersifat subjektif, sukar diukur dan tidak sama untuk semua individu. Perbincangan di sini bukanlah bertujuan menentukan sama ada jumlah pinjaman diterima itu mencukupi atau sebaliknya. Persoalan utama yang perlu difikirkan adalah **bagaimana wang pinjaman pendidikan itu diurus dan dibelanjakan**.

Kemahiran

Kemahiran pengurusan kewangan ini perlu dikuasai oleh mahasiswa sebelum melangkah ke alam pekerjaan yang serba mencabar. Selepas mempunyai kerjaya, komitmen kewangan semakin bertambah, terutama apabila mereka mula mengambil pelbagai jenis pinjaman,

seperti pinjaman kenderaan, peribadi, kad kredit dan perumahan. Mereka yang mempunyai literasi kewangan yang rendah, sudah pasti akan menanggung bebanan hutang, yang akan menjadi masalah besar dalam kehidupan mereka.

Keadaan yang berbeza pula bagi mereka yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran tentang pengurusan kewangan peribadi. Lantaran itu, mengurus wang pinjaman pendidikan adalah salah satu kaedah efektif untuk mahasiswa belajar cara menguruskan sumber kewangan mereka yang terhad.

Hal ini termasuklah soal bagaimana wang mereka diagihkan, ke mana wang dibelanjakan dan bagaimana wang tersebut boleh dilipatgandakan. Dua kemahiran asas pengurusan kewangan peribadi yang penting di sini ialah soal penyediaan bajet dan merekodkan perbelanjaan. Bajet atau rancangan perbelanjaan boleh disediakan dalam bentuk mingguan atau bulanan atau semester mengikut keselesaan masing-masing.



Penyediaan bajet memerlukan seseorang untuk menyenaraikan *item* perbelanjaan yang sering dilakukan, misalnya makanan dan minuman, keperluan pembelajaran, aktiviti kokurikulum dan perbelanjaan lain. **Melalui bajet yang disediakan, mahasiswa dapat membuat perbandingan antara jumlah anggaran dan jumlah perbelanjaan sebenar.**

Seterusnya, mahasiswa akan melihat sama ada perbelanjaan yang dilakukan melebihi daripada pendapatan (wang pinjaman pendidikan) yang diterima atau sebaliknya. Sekiranya terdapat lebihan wang pada bulan tersebut, bolehlah dibuat simpanan atau digunakan untuk keperluan perbelanjaan lain. Sekiranya berlaku defisit, mahasiswa perlu melihat semula ke mana wang tersebut dibelanjakan. Mahasiswa boleh mengenal pasti *item* perbelanjaan yang kurang penting, seperti makan di luar, pembelian gajet dan aksesori serta aktiviti hiburan seperti menonton wayang. Ini bukan bermaksud mereka langsung tidak boleh berbelanja terhadap *item* tersebut. Tidak salah jika sekali sekala mereka berbelanja ke atas *item* itu, tetapi mereka perlu bijak mengawalnya agar tidak melebihi bajet yang ditetapkan.

Gaya berbelanja perlu diubah sesuai dengan status sebagai seorang pelajar. Kaedah lain yang boleh difikirkan untuk menampung defisit tadi ialah dengan mencari pendapatan tambahan, sama ada dengan melakukan kerja sambilan atau menggunakan kemahiran dan bakat yang ada pada diri sendiri, asalkan ia tidak mengganggu pembelajaran.

Catatkan semua perbelanjaan dan menjadikannya sebagai budaya. Hampir semua mahasiswa memiliki telefon pintar tetapi berapa ramai yang telah memuat naik aplikasi pengurusan kewangan peribadi dalam telefon pintar mereka serta menggunakannya? Terdapat pelbagai aplikasi yang boleh dimuat naik secara percuma, antaranya *MyTabung BNM*, *Buku Bajet*, *Money Manager Expense & Budget*, *Wallet & Budget Tracker*, *eZ Budget Planner* dan sebagainya. Tiada alasan sekiranya mahasiswa sendiri tidak mengetahui ke mana wang mereka dibelanjakan. Gunakan kemudahan teknologi yang ada dengan sebaiknya.

Pengalaman berada di kampus selama empat tahun adalah satu tempoh masa yang sesuai untuk mahasiswa memantapkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengurusan kewangan peribadi. Biasanya, mahasiswa yang bijak menguruskan kewangan mereka ialah yang mempunyai pencapaian akademik yang baik. Amalkan hidup dalam kesederhanaan, ubah cara gaya hidup dan menjadikan amalan pengurusan kewangan yang betul sebagai budaya hidup anda sebagai mahasiswa.

Mahasiswa disaran agar belajar untuk mengurus pinjaman pendidikan yang diterima sebaik mungkin dan berhemat. Hal ini disebabkan keupayaan mengurus kewangan secara bijak ketika belajar akan membantu dan memudahkan mereka untuk membayar balik pinjaman PTPTN selepas tamat pengajian.

Penulis ialah Prof Madya Dr. Mohamad Fazli Sabri, Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

Kenali Perlindungan Takaful Anda

Pilihan Produk Takaful

"Malang tidak berbau, sediakan payung sebelum hujan"

Takaful Keluarga

1 Takaful Asas

Memberikan manfaat kewangan jika berlaku hilang upaya kekal atau kematian



2 Takaful Pendidikan

Memberikan perlindungan dan simpanan jangka panjang bagi membiayai pendidikan tinggi anak



3 Takaful Kemalangan Diri

Menyediakan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, kematian atau hilang upaya yang disebabkan oleh kemalangan



4 Takaful Berkaitan Pelaburan

Pelan yang menggabungkan elemen pelaburan & perlindungan manfaat Takaful



5 Takaful Perubatan & Kesihatan

Perlindungan terhadap kos rawatan akibat penyakit atau kemalangan



Takaful Am

1 Takaful Kediaman




Memberikan perlindungan terhadap kediaman dan isi rumah daripada kerugian akibat kecurian, banjir atau kebakaran

2 Takaful Motor



Memberikan perlindungan sama ada hanya kepada pihak ketiga atau perlindungan menyeluruh yang turut merangkumi perlindungan terhadap kerosakan kenderaan akibat kemalangan

3 Takaful Pembiayaan



Caruman bertujuan untuk melangsaikan hutang pembiayaan kepada pihak bank sekiranya pencarum hilang upaya kekal atau meninggal dunia

Tahukah Anda?

1985 Syarikat Takaful pertama ditubuhkan di Malaysia

Hanya 14% rakyat Malaysia mempunyai perlindungan Takaful

Pasaran Takaful Keluarga di Malaysia merupakan yang terbesar di dunia

11 Syarikat Takaful di Malaysia

Great Eastern Takaful · eTiQa · Prudential BSN Takaful · Sun Life Malaysia · HSBC Amanah Takaful · Zurich Takaful · Takaful IKHLAS · AmMetLife · AIA Public Takaful · HongLeong MSIG Takaful · Takaful Malaysia

Sumber: imoney.com, www.bnm.gov.my & insuranceinfo.my





Dimanakah saluran untuk mendapatkan bantuan lanjut ?

1 PERINGKAT PERTAMA : RUJUK INSTITUSI KEWANGAN ANDA

1. Kemukakan aduan kepada institusi kewangan anda
2. Dapatkan keputusan kes
3. Jika tidak berpuashati
4. Kemukakan aduan lanjut

2 PERINGKAT KEDUA : DAPATKAN SALURAN BANTUAN LANJUT YANG BERKENAAN

- OFS — OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN
- BANK NEGARA MALAYSIA — CENTRAL BANK OF MALAYSIA
- AKPK — Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit
- Nasihat Guaman

Sumber : Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah, Bank Negara Malaysia

KWSP: Pengenalan Akaun Emas dan Inisiatif Penambahbaikan



Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan, bermula pada 1 Januari 2017, Akaun Emas akan diwujudkan sebagai simpanan persaraan kedua untuk ahli berusia 55 tahun dan ke atas.

Akaun Emas adalah satu inisiatif di bawah penambahbaikan skim KWSP yang terkandung dalam Akta KWSP 1991, iaitu semua caruman baru yang diterima selepas umur 55 tahun, secara automatik dimasukkan ke dalam Akaun Emas dan hanya boleh dikeluarkan apabila ahli berumur 60 tahun. Skim ini diwujudkan bagi memastikan pencarum mempunyai simpanan persaraan mencukupi apabila mencapai usia 60 tahun.

Soal Jawab Inisiatif Penambahbaikan

Akaun 55 (Pengeluaran Umur 55 tahun)

1. **Apakah Akaun 55?**
   Akaun 55 ialah akaun yang diwujudkan bagi tujuan pemindahan caruman daripada Akaun 1 dan 2 **untuk ahli yang telah mencapai umur 55 tahun dan ke atas bermula 1 Januari 2017**. Setelah pemindahan ke Akaun 55 dilakukan, permohonan pengeluaran umur 55 tahun boleh dibuat mengikut kelayakan dan prosedur semasa.

Akaun Emas (Pengeluaran Umur 60 tahun)

1. Apakah Akaun Emas?

Akaun Emas merupakan satu inisiatif penambahbaikan skim KWSP yang diperkenalkan kepada ahli yang telah mencapai umur 55 tahun. Apa-apa caruman yang dikreditkan selepas ahli mencapai umur 55 tahun bermula **1 Januari 2017**, hanya boleh dikeluarkan apabila ahli mencapai umur 60 tahun. TIADA lagi sub akaun 1 dan sub akaun 2.

2. Apa yang dimaksudkan dengan Pengeluaran Umur 60 Tahun (Akaun Emas)?

Pengeluaran Umur 60 Tahun (Akaun Emas) adalah skim pengeluaran KWSP yang diperkenalkan bagi membolehkan ahli yang telah mencapai umur 60 tahun mengeluarkan semua atau sebahagian simpanan KWSP.

3. Mengapa Pengeluaran Umur 60 Tahun (Akaun Emas) diperkenalkan?

Pengeluaran ini diperkenalkan selaras dengan peningkatan umur persaraan wajib yang diumumkan oleh kerajaan daripada umur 55 tahun kepada umur 60 tahun.

4. Apakah syarat-syarat permohonan Pengeluaran Umur 60 Tahun (Akaun Emas)?


Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

- Mencapai umur 60 tahun
- Mempunyai simpanan KWSP

5. Apakah kaedah bayaran yang boleh dipilih di bawah Pengeluaran Umur 60 Tahun (Akaun Emas)?

Kaedah bayaran yang boleh dipilih adalah seperti berikut:

- Bayaran semua simpanan
- Bayaran sebahagian simpanan
  - Amaun minimum RM2,000.00
  - Setiap 30 hari dari tarikh permohonan pengeluaran terdahulu
- Bayaran bulanan
  - Pengeluaran minimum RM3,000.00, iaitu RM250.00 sebulan untuk sekurang-kurangnya 12 bulan
  - Kombinasi bayaran sebahagian simpanan dan bayaran bulanan



6. Bagaimana untuk memohon Pengeluaran Umur 60 Tahun (Akaun Emas) dan apakah dokumen yang diperlukan?

i. Ahli perlu hadir di mana-mana Pejabat KWSP dengan membawa:
   - MyKad atau dokumen pengenalan diri lain (bagi tujuan pengesahan identiti pemohon); dan
   - Maklumat akaun bank (bagi tujuan pembayaran)


ii. Permohonan melalui mel perlu mengemukakan dokumen tambahan, iaitu:
   - Borang KWSP 9B;
   - Salinan dokumen pengenalan diri yang telah disahkan oleh Pegawai Pengesah (Sila rujuk Senarai Semak Dokumen); dan
   - Borang KWSP 3 (Pindaan).

7. Adakah Pengeluaran Umur 60 Tahun (Akaun Emas) akan membatalkan Pengeluaran Umur 55 Tahun (Akaun 55) sedia ada?

- Pengeluaran Umur 60 Tahun (Akaun Emas) **TIDAK MEMBATALKAN** Pengeluaran Umur 55 Tahun (Akaun 55) sedia ada.
- Ahli layak memohon Pengeluaran Umur 55 Tahun bagi simpanan terkumpul yang dipindahkan ke dalam Akaun 55 dengan syarat ahli belum mencapai umur 60 tahun.
- Manakala caruman yang diterima selepas umur 55 tahun dalam Akaun Emas hanya boleh dikeluarkan setelah ahli mencapai umur 60 tahun di bawah Pengeluaran Umur 60 Tahun.



"Akaun Emas adalah skim pengeluaran KWSP yang diperkenalkan bagi membolehkan ahli yang telah mencapai umur 60 tahun mengeluarkan semua atau sebahagian simpanan KWSP."



Lanjutan Had Pengkreditan Dividen

1. Apakah penambahbaikan berkaitan had pengkreditan dividen?

Berdasarkan peruntukan Akta KWSP 1991, dividen dikreditkan ke akaun ahli sehingga ahli mencapai umur 75 tahun. Berkuat kuasa **1 Januari 2017**, dividen dikreditkan ke akaun ahli sehingga simpanan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut. Bayaran dividen dipanjangkan tempoh sehingga umur 100 tahun.

2. Mengapakah had pengkreditan dilanjutkan sehingga simpanan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut?

Ia dilanjutkan bagi membolehkan simpanan ahli yang berada dengan KWSP terus mendapat dividen sehingga ahli membuat pengeluaran penuh dan simpanan ahli semakin bertambah.

Sumber: Simpanan Wang Kumpulan Pekerja (KWSP)

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Memperkenalkan siri aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia

Ke arah pengguna kewangan yang lebih bijak



Membuat keputusan kewangan bukannya mudah, sama ada anda pelajar, suri rumah, ahli perniagaan atau pekerja. Dengan aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia ini, anda bukan sahaja boleh mendapatkan perkembangan dan maklumat terkini hal-hal kewangan, tetapi juga menggunakan aplikasi untuk merancang dan menguruskan kewangan anda dengan mudah serta menggunakan hak anda sebagai pengguna kewangan.

MyBNM

Dapatkan maklumat dan pengumuman terkini mengenai hal-hal kewangan di dalam negeri dan peringkat global serta amaran penting kepada pengguna berhubung dengan penipuan kewangan.

BNM MyLINK

Saluran berkesan yang menghubungkan pengguna dengan institusi kewangan di Malaysia untuk mengemukakan pertanyaan, mendapatkan nasihat dan membuat aduan.

MyTabung

Aplikasi pemantau belanjawan untuk merancang dan menguruskan kewangan peribadi anda atau isi rumah secara berhemat untuk mencapai matlamat kewangan.

MyRinggit

Ketahui ciri-ciri keselamatan penting dan teknik untuk membezakan wang kertas Malaysia yang asli dengan yang palsu.

Tunggu apa lagi? Dapatkan dan muat turun siri aplikasi mudah alih Bank Negara Malaysia ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris secara PERCUMA.

Download on the App Store

ANDROID APP ON Google play

MULA GUNAKAN PIN 6 DIGIT ANDA DI STESEN-STESEN MINYAK

Bagi menyelaraskan Malaysia dengan amalan terbaik global untuk keselamatan kad pembayaran, terminal luar layan diri di stesen minyak sedang dinaik taraf bagi menyokong pembayaran menggunakan kad PIN.

Anda akan diminta untuk memasukkan PIN 6 digit anda apabila membuat pembayaran menggunakan kad bagi mengisi minyak di terminal layan diri di stesen minyak. Jadi mula gunakan PIN 6 digit anda hari ini.

www.pinandpay.com.my

Cara-cara untuk membuat pembayaran di terminal luar layan diri dengan PIN di stesen minyak



1. Jika terminal luar layan diri meminta PIN anda

Anda perlu memasukkan PIN anda.




2. Jika anda belum menerima kad kredit atau kad debit PIN baharu anda ataupun tidak tahu PIN anda

- Pergi ke kaunter kedai stesen minyak; dan
- Hubungi pengeluar kad anda secepat mungkin.



3. Jika transaksi ditolak atas sebab PIN yang salah

- Mulakan transaksi sekali lagi; atau
- Pergi ke kaunter kedai; dan
- Hubungi pengeluar kad anda secepat mungkin.



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Association of Islamic Banking Institutions Malaysia